



INTERNATIONAL JOURNAL OF EDUCATION, PSYCHOLOGY AND COUNSELLING (IJEPC)

www.ijepec.com



PENGURUSAN PENDIDIKAN KANAK-KANAK PELARIAN ROHINGYA DI MALAYSIA: ISU DAN CABARAN

EDUCATIONAL MANAGEMENT OF REFUGEE CHILDREN ROHINGYA IN MALAYSIA: ISSUES AND CHALLENGES

Aida Zahirah Samsudin¹, Napisah Karimah Ismail^{2*}

¹ Research Center for Arabic Language and Islamic Civilization, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia
Email: aidaazahirah@gmail.com

² Research Center for Arabic Language and Islamic Civilization, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia
Email: napisah@ukm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 30.03.2023

Revised date: 28.04.2023

Accepted date: 15.06.2023

Published date: 28.06.2023

To cite this document:

Samsudin, A. Z., & Ismail, N. K. (2023). Pengurusan Pendidikan Kanak-Kanak Pelarian Rohingya Di Malaysia: Isu Dan Cabaran. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 8 (50), 650-663.

DOI: 10.35631/IJEPC.850046

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Isu pendidikan terus membelenggu kehidupan pelarian Rohingya di Malaysia. Hal ini terpaksa dihadapi sejak dari awal kedatangan mereka sehingga kini memasuki generasi ketiga etnik ini berikutan mereka tidak berpeluang mengikuti sistem pendidikan formal di Malaysia. Hal ini akan memberi impak kepada pembangunan modal insan generasi ini sekiranya ia terus dipinggirkan dan tidak diberi jalan penyelesaian segera. Justeru kajian ini bertujuan mengenal pasti latar belakang pendidikan kanak-kanak Rohingya di Malaysia, khususnya di pusat pendidikan alternatif dan menganalisis cabaran yang dihadapi oleh pusat pendidikan berkenaan dalam mengurus pendidikan kepada kanak-kanak Rohingya di Malaysia. Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah temu bual kumpulan fokus di enam buah pusat pendidikan alternatif terpilih sebagai kaedah pengumpulan data. Kajian mendapati bahawa kerajaan Malaysia membenarkan pihak-pihak berkepentingan menyalurkan bantuan dan perlindungan kepada pelarian atas dasar kemanusiaan termasuk menguruskan pendidikan pelarian, meskipun Malaysia tidak meratifikasikan Konvensyen Status Pelarian 1951 dan Protokol 1967. Pengoperasian pusat pendidikan alternatif adalah antara usaha yang digerakkan bagi membantu golongan pelarian yang membanjiri Malaysia. Walau bagaimanapun pusat-pusat ini terpaksa berdepan dengan pelbagai cabaran yang antaranya kelemahan urus tadbir dan kawal selia, ketidakselarasan kurikulum yang diguna pakai, kekurangan dana kewangan, kesukaran menguruskan kanak-kanak Rohingya yang tamat persekolahan serta keterikatan dengan perundangan Malaysia. Sehubungan itu, perancangan yang komprehensif dan sinergi kesemua pihak diperlukan termasuk kerajaan, organisasi bukan kerajaan (NGO), masyarakat tempatan serta komuniti Rohingya bagi menambah baik pengurusan

pendidikan dan menyokong usaha memperkasakan pendidikan kanak-kanak Rohingya di Malaysia.

Kata Kunci:

Cabaran, Pelarian Rohingya, Pendidikan Alternatif, Pendidikan Pelarian, Pengurusan

Abstract:

The education issue continues to plague the lives of Rohingya refugees in Malaysia. They had to face this from the beginning of their arrival up until now, the third generation of this ethnic group, as they did not have the opportunity to follow the formal education system in Malaysia. This will impact the development of this generation's human capital if it continues to be side-lined and is not immediately tackled. Therefore, this study aims to identify the educational background of Rohingya children in Malaysia, especially in alternative education centres, and to analyse the challenges faced by the education centres in managing the education of Rohingya children in Malaysia. This qualitative study uses the focus group interview technique in six selected alternative education centres as the data collection method. The result revealed that the Malaysian government allowed stakeholders to channel aid and protection to the refugees on a humanitarian basis, including managing refugee education, even though Malaysia did not ratify the 1951 Refugee Convention and the 1967 Protocol. The operation of alternative education centres is one of the efforts to help the refugees flooding Malaysia. However, these centres have to face various challenges, including weak governance and regulation, discrepancies in the curriculum used, a lack of financial funds, difficulty managing Rohingya children who finish school, as well as the commitment to Malaysian legislation. Accordingly, comprehensive planning and synergy among all parties are required, including the government, non-governmental organisations (NGOs), local communities and the Rohingya community, to improve education management and support efforts to empower the education of refugees in Malaysia.

Keywords:

Challenges, Rohingya Refugees, Alternative Education, Refugee Education, Management

Pengenalan

Pelarian Rohingya merupakan kelompok pelarian terbesar di Malaysia. Berdasarkan data yang dikeluarkan oleh *United Nations High Commission for Refugees* (UNHCR) Malaysia, terdapat anggaran sekitar 185,760 orang pelarian dan pencari suaka berdaftar dengan agensi antarabangsa ini pada akhir Mac 2023. Angka tersebut juga menunjukkan majoriti pelarian di Malaysia adalah daripada etnik Rohingya yang terdiri daripada 107,430 orang (UNHCR Malaysia, 2023). UNHCR mendefinisikan pelarian sebagai orang yang berada di luar negara kewarganegaraan atau penempatan biasa dan tidak dapat pulang ke negara asal akibat ancaman yang serius dan sembarangan terhadap kehidupan, tindakan fizikal atau kebebasan yang disebabkan oleh keganasan atau peristiwa yang menganggu ketenteraman secara serius.

Keberadaan masyarakat pelarian Rohingya di Malaysia didorongi oleh dua faktor utama iaitu faktor penolak dan penarik (Intan Suria, 2018; Ruhanas, 2019). Antara faktor penarik

sebagaimana yang dijelaskan oleh Intan Suria (2018) ialah penghapusan etnik dan ancaman nyawa, sentimen agama, kemiskinan, kezaliman ketenteraan, ketidakstabilan politik dalam, Undang-Undang Kewarganegaraan Burma 1982 dan tekanan sosial dan persekitaran. Manakala faktor penarik pula ialah kestabilan politik dan keamanan, kemajuan ekonomi, pergantungan terhadap pekerja asing, perbezaan kadar upah, ketersediaan pelbagai kemudahan dalam aliran migrasi, persekitaran, persamaan agama dan penerimaan masyarakat tempatan. Data daripada kajian lain menyatakan kedatangan mereka di Malaysia bertujuan untuk bersatu semula dengan keluarga mereka yang lama terpisah (Azizah, 2015; Andika & Aizat, 2020; *Mixed Migration Centre*, 2021).

Walau bagaimanapun, keberadaan pelarian Rohingya di Malaysia terutamanya golongan kanak-kanak dan remaja Rohingya sering dikaitkan dengan masalah sosial dan jenayah bahkan ia dilihat semakin meningkat dari hari ke hari. Hal ini dikenal pasti berpunca daripada ketiadaan pendidikan yang sewajarnya kepada golongan ini disebabkan Malaysia tidak menandatangani Konvensyen Pelarian 1951 dan Protokol 1967 yang menjadikan Malaysia tidak mempunyai sebarang obligasi wajib untuk memenuhi tuntutan hak asasi mereka (Amnesty International 2010; Child Right Coalition Malaysia 2012; Letchamanan 2013). Berikutan itu, mereka mempunyai banyak masa tanpa melakukan sebarang aktiviti berfaedah selain tidak bersekolah. Antara aktiviti yang tidak bermoral tersebut adalah merokok, menghisab dadah dan gam, melepak, mencuri dan berjudi (Hidayat & Iknor, 2017; Nadzira & Khalim, 2019; Aizat, 2021).

Menyedari kepentingan pendidikan kepada golongan ini, organisasi bukan kerajaan (NGO) dan komuniti Rohingya menggalas tanggungjawab dan memainkan peranan penting sebagai badan pelaksana dalam menguruskan keseluruhan pengoperasian pusat pendidikan alternatif untuk kanak-kanak pelarian Rohingya. Penubuhan pusat pendidikan ini merupakan satu ikhtiar dalam mengekang masalah sosial dan jenayah dalam kalangan mereka daripada terus berleluasa selain masa mereka dapat dimanfaatkan dengan sebaiknya (Mazura & Hafizah, 2018). Namun begitu, wujud kepincangan dalam sistem pendidikan pusat pendidikan alternatif dari segi urusan tadbir, kurikulum, kualiti tenaga guru, kekurangan sumber kewangan dan pengiktirafan sijil pendidikan.

Bertitik tolak dari itu, tumpuan utama kajian ini adalah mengenal pasti latar belakang pusat pendidikan alternatif dan menganalisis cabaran yang dihadapi oleh pusat pendidikan alternatif dalam menguruskan pendidikan yang sewajarnya kepada kanak-kanak Rohingya di Malaysia. Perbincangan dalam artikel ini dapat dibahagikan kepada dua bahagian utama. Bahagian pertama membincangkan latar belakang pusat pendidikan alternatif di Malaysia. Bahagian kedua pula membincangkan mengenai cabaran yang dihadapi oleh pusat pendidikan alternatif dalam menguruskan pendidikan kanak-kanak Rohingya di Malaysia.

Metodologi

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan kualitatif. Perolehan data adalah daripada temu bual kumpulan fokus yang melibatkan pihak pengurusan dan guru di enam buah pusat pendidikan alternatif terpilih yang dikendalikan oleh NGO tempatan dan komuniti Rohingya. Maklumat dikumpul daripada informan menerusi kaedah temu bual separa struktur sebagai data primer. Temu bual ini dijalankan sekitar tahun 2022 hingga 2023 yang melibatkan *Rohingya Education Centre*, *LifeBridge Learning Centre*, *Rohingya Community Learning Centre*, *Knowledge Garden Learning Centre*, *Rohingya Community Educare Center* dan *Rohingya Community School*. Selain itu, aktivis daripada NGO turut sama terbabit dalam kajian ini, antaranya, Persatuan Jaringan Islam Global Masa Depan (JREC), Pertubuhan

Himpunan Lepasn Institusi Pendidikan Malaysia (HALUAN), Malaysian Relief Agency (MRA), Islamic Relief Malaysia (IRM), Global Peace Mission (GPM) dan juga Majlis Perunding Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM) selaku pihak yang terlibat dalam pengurusan pusat pendidikan alternatif berkenaan.

Di samping itu, data juga diperoleh melalui kaedah analisis kandungan daripada sumber-sumber sekunder yang terdiri daripada buku, artikel jurnal, tesis, laporan antarabangsa dan laman sesawang rasmi NGO dan UNHCR Malaysia. Data yang terkumpul dianalisis secara tematik berpandukan tema penting bagi menjelaskan isu secara lebih sistematik.

Sejarah Ringkas Kedatangan Pelarian Rohingya di Malaysia

Eksodus masyarakat Rohingya ke Malaysia berlaku dalam beberapa gelombang migrasi keluar sama ada berskala besar atau berskala sederhana. Eksodus adalah perpindahan sesebuah penduduk secara beramai-ramai meninggalkan kampung, negeri atau negara asal mereka. Terdapat dua gelombang paling besar migrasi secara paksa yang melibatkan etnik Rohingya dari Myanmar ke negara transit seperti Bangladesh, Thailand dan Malaysia. Pertama, migrasi keluar secara besar-besaran yang berlaku pada tahun 1978 yang melibatkan sekurang-kurangnya 220,000 orang Rohingya. Gelombang kedua pula berlaku di antara tahun 1991 dan 1992 yang melibatkan sekurang-kurangnya 250,000 hingga 270,000 orang Rohingya keluar meninggalkan Arakan, Myanmar (Andika, 2019; 2017).

Seterusnya, siri gelombang yang berskala sederhana berlaku antara tahun 2012 dan 2013, akibat daripada konflik hubungan kaum yang memuncak di antara Muslim Rohingya dan Buddha Rakhine (Andika, 2017; Kipgen, 2014). Berikutan daripada konflik ini, dianggarkan seramai 27,800 orang pelarian Rohingya keluar melarikan diri ke Bangladesh dan Thailand (Andika, 2017). Malah Malaysia tidak terkecuali berdasarkan laporan The Arakan Project (2016) di mana berlaku eksodus maritim secara besar-besaran ke Malaysia.

Gelombang seterusnya dikenal pasti berlaku pada tahun 2015 apabila berlaku tekanan politik dan penghapusan etnik berskala besar di Rakhine yang menyebabkan kematian dan migrasi rentas sempadan dalam jumlah yang besar ke negara-negara Asia Tenggara (Intan Suria et al., 2020). Pada masa yang sama muncul isu “boat people” berikutan pengumuman yang buat oleh Presiden Thein Sein pada 11 Februari 2015 berkaitan penamatan tempoh *Temporary Registration Certificates* (TRC) atau dikenali sebagai “white card” pada 31 Mac 2015 dan pemegang kad tersebut, khususnya masyarakat Rohingya perlu mengembalikannya kepada pihak berkuasa pada 31 Mei 2015. Kesan daripada pengembalian “white card”, dianggarkan sejuta orang dan sebahagian besarnya ialah Rohingya telah dilucutkan hak dalam pilihan raya umum pada November 2015 dan dihalang mengambil bahagian dalam referendum atau pungutan suara rakyat mengenai perlembagaan Burma. Hal ini juga mengakibatkan seramai 25,000 Rohingya keluar meninggalkan Myanmar pada suku pertama tahun 2015 dengan bantuan penyeludup manusia melalui laluan laut (Aizat, 2016).

Pada tahun 2017, sekali lagi berlaku penolakan migrasi rentas sempadan yang melibatkan seramai 605,000 pelarian Rohingya keluar meninggalkan Myanmar demi mencari perlindungan di Bangladesh berikutan serangan yang dilakukan oleh pihak pemerintah Myanmar. Antara bentuk serangan yang dilakukan adalah pemerkosaan, keganasan seksual, serangan terhadap masjid dan madrasah serta pelbagai bentuk penyeskasan lain. Ekoran daripada penindasan yang berterusan sehingga penghujung tahun 2017, dilaporkan sekitar satu juta Rohingya keluar meninggalkan Myanmar demi mencari perlindungan sementara di

Bangladesh dan di beberapa buah negara lain seperti Arab Saudi (40,000), Pakistan (350,000), Malaysia (100,000), India (40,000), Thailand (5,000) dan Indonesia (1,000) (Andika, 2019). Berikut adalah jadual ringkasan anggaran jumlah pelarian Rohingya berdasarkan gelombang migrasi mengikut tahun.

Jadual 1: Ringkasan Anggaran Jumlah Pelarian Rohingya Berdasarkan Gelombang Migrasi Mengikut Tahun

Gelombang migrasi Rohingya	Anggaran jumlah pelarian Rohingya keluar dari negara asal (orang)
Tahun 1978	220,000
Tahun 1991-1992	250,000-270,00
Tahun 2012 - 2013	27,800
Tahun 2015	25,000
Tahun 2017	1,000,000

Sumber: Olahan daripada Andika (2019; 2017), Aizat (2016), Intan Suria et al. (2020) dan Kipgen (2014).

Latar Belakang Pendidikan Alternatif Di Malaysia

Malaysia salah sebuah daripada 196 buah negara di dunia yang meratifikasi *United Nation Convention on the Rights of the Child* (CRC) 1989 atau Konvensyen mengenai Hak Kanak-Kanak 1989 pada 28 Disember 1994 (*United Nations Children's Fund* (UNICEF), 2009; Pathmanathan et al., 2011; Letchamanan, 2013; Hidayat & Iknor, 2017; Mazura & Hafizah, 2018; Nadzira & Khalim, 2019). Maka menjadi tanggungjawab Malaysia untuk memastikan setiap kanak-kanak di Malaysia mendapat pendidikan tanpa mengira status warganegara. Walau bagaimanapun, dari konsep pelaksanaan pendidikan kanak-kanak pelarian, terdapat percanggahan berkenaan dengan Artikel 28 (1)(a) CRC iaitu pendidikan percuma dan wajib di peringkat rendah kepada semua kanak-kanak dengan Perlembagaan Persekutuan Malaysia (*Equal Right Trust*, 2014; Mazura & Hafizah, 2018). Kerajaan menghujahkan bahawa prinsip tersebut bercanggah dengan Artikel 12 Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan hak berkenaan pendidikan. Begitu juga dengan pemberian hak pendidikan dan pelaksanaannya di sesebuah negara bergantung kepada perundangan negara tersebut, misalnya di Malaysia ia berkait rapat dengan Akta Pendidikan 1996 yang hanya memperuntukkan hak pendidikan kepada pemegang status warganegara Malaysia sahaja (Badariah, 2018). Oleh yang demikian, dalam konteks Malaysia kandungan Artikel 28 dan 29 CRC 1989 dari segi undang-undang dan amalannya tidak sepenuhnya sesuai dengan kerangka perundangan berikutan keterikatan dengan Akta Pendidikan 1996.

Selain keterikatan dengan Perlembagaan Persekutuan, Akta Pendidikan 1996 dan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang hanya menyediakan hak pendidikan untuk warganegara sahaja dan menghalang pelaksanaan pendidikan wajib untuk semua kanak-kanak di Malaysia, wujud kekeliruan dan kesamaran mengenai status hak kanak-kanak tanpa warganegara. Selain itu, ketiadaan pengiktirafan terhadap golongan pelarian juga menjadi penyebab golongan pelarian tidak dapat menikmati hak pendidikan formal di Malaysia (Hidayat & Iknor, 2017; Mazura & Hafizah, 2018; Divaghar & Khadijah, 2019; Nadzira & Khalim, 2019). Bahkan, di bawah Akta Imigresen Malaysia 1959/1963, golongan pelarian dianggap sebagai 'pendatang haram' (*Amnesty International* 2010; *Child Right Coalition Malaysia* 2012; Azizah 2015; Intan Suria et al. 2020). Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa keterikatan dengan kerangka

perundangan dan ketiadaan pengiktirafan golongan pelarian menjadikan Malaysia tidak mempunyai sebarang peruntukan pendidikan yang khusus kepada kanak-kanak pelarian.

Oleh sebab itu, kebanyakan pusat pendidikan untuk pelarian di Malaysia mendapat sokongan daripada UNHCR berikutan institusi antarabangsa ini bertanggungjawab terhadap golongan pelarian. Data daripada UNICEF (2015) menunjukkan penambahan jumlah pusat pendidikan pelarian yang berdaftar dengan UNHCR dari tahun ke tahun. Misalnya, pada tahun 2015 dicatatkan terdapat 126 buah pusat pendidikan dan jumlah ini meningkat kepada 145 buah pusat pendidikan pada tahun 2022. Pusat pendidikan untuk kanak-kanak pelarian yang juga dikenali sebagai Pusat Pembelajaran Alternatif (*Alternative Learning Centres*) dan Pusat Pembelajaran Komuniti (*Community Learning Centres*) ini disediakan oleh pelbagai pihak sama ada individu perseorangan, komuniti pelarian, organisasi berasaskan kepercayaan, yayasan, NGO dan beberapa agensi kerajaan (UNICEF, 2015).

Berdasarkan data daripada UNHCR pula, berlaku peningkatan jumlah kanak-kanak pelarian termasuk Rohingya yang mendaftar dan bersekolah di pusat pendidikan alternatif iaitu 7,156 (30%) daripada anggaran keseluruhan 23,838 orang kanak-kanak pada tahun 2017 berbanding hanya 5,755 (26.6%) daripada anggaran keseluruhan 21,555 orang kanak-kanak pada tahun 2015. Anggaran ini berdasarkan kepada jumlah yang berdaftar dengan UNHCR sahaja dan tiada anggaran untuk bilangan kanak-kanak tidak berdaftar yang menghadiri mana-mana pusat pendidikan. Walaupun peratusan ini tidak mencapai tahap keseluruhan kanak-kanak menghadiri sesi persekolahan namun setidaknya ia menunjukkan peningkatan tahap kesedaran mereka terhadap kepentingan pendidikan dalam kehidupan mereka.

Pusat pendidikan yang boleh diakses oleh kanak-kanak Rohingya di Malaysia dikategorikan kepada dua jenis. Pertama, pusat pendidikan yang dikhaskan untuk kanak-kanak Rohingya sahaja. Pusat pendidikan ini mempunyai tiga jenis sistem pendidikan seperti pendidikan konvensional sahaja, pengajian agama sahaja dan gabungan pengajian agama dan pendidikan konvensional. Kedua, pusat pendidikan umum yang menempatkan pelbagai golongan kanak-kanak yang kurang bernasib baik termasuk pelarian seperti Harvest Center, St Barnabas Church dan Yayasan Chow Kit (Azizah, 2012). Sementara itu, komuniti Rohingya di Malaysia turut memainkan peranan bagi meningkatkan peluang pendidikan dengan membangunkan dan menguruskan pusat pendidikan untuk komuniti mereka sendiri (Andika, 2017). Terdapat dua bentuk pusat pendidikan iaitu pendidikan konvensional (biasa) dan pendidikan pondok (madrrasah). Walau bagaimanapun, asas pendekatan Islam merupakan model utama dalam penubuhan sesebuah pusat pendidikan kanak-kanak Rohingya. Bagi memastikan survival etnik Rohingya di Malaysia, terdapat pusat pendidikan menggabungkan elemen pendidikan agama dengan pendidikan akademik. Gabungan dua bentuk pendidikan ini sedikit sebanyak menyamai pendidikan yang diterima masyarakat Muslim di Malaysia seperti sukatan pembelajaran pendidikan formal (Kazi Fahmida Farzana et al., 2020).

Di samping itu, pusat pendidikan berteraskan komuniti lebih menjadi pilihan kanak-kanak Rohingya berbanding pusat pendidikan yang dikendalikan oleh NGO tempatan (Julia, 2020; Aida Zahirah & Napisah Karimah, 2021; Aizat, 2021). Sumber daripada Julia pada tahun 2020 menyatakan hanya 30% kanak-kanak Rohingya mengikuti pembelajaran di pusat pendidikan yang dibiayai oleh UNHCR dan bakinya 70% lebih gemar menghadiri pusat-pusat pendidikan yang disediakan oleh komuniti mereka (Julia 2020). Perkara yang sama turut berlaku pada lapan buah projek pendidikan pelarian yang dianjurkan oleh UNHCR di sekitar Kuala Lumpur, Selangor, Johor dan Pulau Pinang. Projek ini dilihat kurang mendapat sambutan disebabkan

hanya sekitar 2,000 orang kanak-kanak pelarian sahaja yang hadir selebihnya memilih untuk mengikuti pusat pendidikan berteraskan komuniti sendiri. (Aizat, 2021).

Dari segi ciri-ciri pusat pendidikan pelarian Rohingya di Malaysia, mereka mengkategorikan lokasi yang menempatkan pusat pendidikan ini kepada dua kawasan iaitu di bandar dan luar bandar (Azizah, 2012; Letchamanan, 2013; Norazira, 2014; Aizat, 2021). Di bandar, biasanya pusat pendidikan ini dibangunkan sama ada di rumah kedai, rumah teres, masjid dan surau manakala di luar bandar pula, didirikan di surau dan rumah yang telah diubah suai. Rata-rata pusat pendidikan golongan pelarian ini tidak berdaftar dengan pihak berkepentingan atau Kementerian pendidikan Malaysia (KPM). Keadaan persekitaran dan kemudahan yang terdapat di pusat pendidikan pula berbeza-beza mengikut organisasi yang mengusahakan dan kebiasaannya situasi di dalam bilik darjah sangat sempit dan sesak di samping kemudahan yang disediakan sangat terhad. Para pelajar ditentukan kelas berdasarkan kepada penguasaan kemahiran membaca dan menulis dan bukannya mengikut tahap umur seperti yang diamalkan di sekolah kebangsaan Malaysia (Azizah, 2012; Atika Shafinaz & Nidzam, 2020).

Antara ciri-ciri lain adalah kebanyakan pusat pendidikan menggunakan bahan pengajaran dan pembelajaran daripada bahan-bahan fotokopi malah naskah al-Quran dan mukadam yang disediakan untuk kegunaan pelajar sudah lama dan berwarna kuning. Selain itu, bagi meringankan beban ibu bapa, pusat pendidikan yang disediakan ini adalah secara percuma dan sekiranya dikenakan bayaran yuran ia hanya berbentuk yuran komitmen sahaja (Azizah, 2012; Julia, 2020). Menurut laporan UNICEF (2015) pula, yuran yang dikenakan ini adalah salah satu cara untuk menyemai rasa tanggungjawab dan komitmen ibu bapa terhadap pendidikan anak-anak mereka bukannya untuk membantu pusat pendidikan membayar bil utiliti bulanan.

Isu dan Cabaran Pengurusan Pendidikan Kanak-Kanak Rohingya di Malaysia

Bahagian ini menjelaskan cabaran yang dihadapi pusat pendidikan alternatif dalam menguruskan pendidikan kanak-kanak Rohingya di Malaysia berdasarkan kepada informan kajian dalam kalangan pihak pengurusan, pentadbir dan guru di pusat pendidikan alternatif terpilih. Cabarannya dilihat menerusi kelemahan urus tadbir dan kawal selia, ketidakselarasan kurikulum yang diguna pakai, kekurangan dana kewangan dan yuran persekolahan, kesukaran menguruskan kanak-kanak Rohingya yang tamat persekolahan serta keterikatan perundangan Malaysia.

Kelemahan Urus Tadbir dan Kawal Selia

Menurut Kamus Dewan (2010) urus tadbir merupakan cara atau sistem mentadbir, mengurus dan mengawal selia dasar, fungsi atau perjalanan sesebuah perbadanan, syarikat dan sebagainya. Manakala kawal selia pula adalah tindakan mengawal dan menyelia sesuatu pekerjaan dan fungsi supaya dapat berjalan dengan betul dan lancar selaras dengan aturan, prinsip, tujuan dan sebagainya seperti yang telah ditetapkan. Dalam konteks perbincangan ini, kelemahan urus tadbir dan kawal selia di sesebuah pusat pendidikan alternatif didorong oleh beberapa faktor. Antaranya ketiadaan garis panduan yang seragam dan jelas disediakan sebagai rujukan kepada pihak pentadbir dan guru di semua pusat pendidikan alternatif di Malaysia yang meliputi keseluruhan aspek pengoperasian sekolah. Garis panduan ini merupakan rujukan penting bagi memastikan pengurusan sekolah yang komprehensif dan sistematik. Hal ini turut menggambarkan realiti pengurusan di pusat-pusat pendidikan adalah berbeza mengikut pihak yang menguruskannya (Wan Nur Alia, 5 Julai 2022; Mohd Azmi, 19 Ogos 2022).

Kelemahan kawal selia dalam sistem pengurusan pusat pendidikan turut dikaitkan dengan faktor tidak mendaftar dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Melalui temu bual yang dijalankan, terdapat sekitar 140 buah pusat pendidikan alternatif yang diiktiraf oleh UNHCR tidak berdaftar dengan KPM di bawah kategori Pusat Bimbingan Alternatif (PBA) terutamanya pusat pendidikan jenis madrasah yang diuruskan oleh komuniti Rohingya. Hal ini menggambarkan pengurusan pusat pendidikan yang tidak terkawal dan tiada pemantauan daripada pihak yang berautoriti (Nur Azlina, 22 Jun 2022).

Selain ketiadaan garis panduan dan tidak berdaftar dengan KPM, hasil daripada kajian lapangan yang dilakukan di beberapa buah pusat pendidikan alternatif turut mendapati terdapat perbezaan dari segi pengurusan pusat pendidikan yang diuruskan oleh NGO dan komuniti Rohingya. Hal ini kerana pengurusan pusat pendidikan di bawah seliaan NGO tempatan dilihat lebih terurus dan sistematik berbanding pusat pendidikan yang diuruskan sendiri oleh komuniti Rohingya disebabkan segala hal berkaitan pengurusan, pentadbiran, kurikulum, kewangan, enrolmen pelajar dan sebagainya terletak di bawah bidang tugas guru besar sahaja dan tiada struktur organisasi atau pembahagian tugas yang terperinci. Oleh yang demikian, ketiadaan pembahagian atau pengagihan tugas yang jelas akan menghalang pengurusan yang berkesan.

Ketidakselarasan Kurikulum yang Digunakan

Isu yang sering diperkatakan dan dipersoalkan mengapakah pusat pendidikan alternatif yang dikhaskan untuk kanak-kanak Rohingya di Malaysia tidak mengguna pakai kerangka kurikulum negara asal mereka iaitu Myanmar atau kurikulum yang dikhaskan untuk pelarian. Hasil daripada temu bual dengan salah seorang informan yang bertugas sebagai Eksekutif Pendidikan *Malaysia Relief Agency* (MRA) menyatakan bahawa sekiranya pusat pendidikan menggunakan kurikulum Myanmar dalam proses pengajaran dan pembelajaran, ia akan mempengaruhi pemikiran kanak-kanak Rohingya seolah-olah mereka berada di Myanmar. Malah melalui kurikulum ini juga kanak-kanak Rohingya hanya diterapkan budaya asal mereka sahaja tanpa mempunyai pengetahuan dan pemahaman tentang kepelbagaian budaya di negara tuan rumah. Hal ini cenderung berlakunya kekeliruan dan salah faham bagi masyarakat yang berbeza bahasa dan budaya (Wan Nur Alia, 5 Julai 2022).

Dalam pada itu, terdapat dua faktor yang menghambat implementasi kurikulum yang bersesuaian kepada kanak-kanak pelarian. Pertama, wujud kekangan dalam melaksanakan kurikulum Myanmar dari segi mendapatkan tenaga pengajar yang berkelayakan dan benar-benar mahir menguasai segala elemen yang terkandung dalam kurikulum tersebut. Hal ini disebabkan kebanyakan masyarakat pelarian Myanmar di Malaysia khususnya Rohingya tidak memiliki kelayakan akademik walaupun di peringkat sekolah rendah. Walau bagaimanapun, kebanyakan pihak pengurusan pusat pendidikan menyedari bahawa kurikulum yang sebaiknya diadaptasi kepada golongan ini adalah berdasarkan kurikulum pendidikan Myanmar sebagai persiapan pulang ke negara asal sekiranya diizinkan.

Faktor kedua, tidak ada sebarang panduan atau rujukan berkaitan pendidikan pelarian yang disepakati oleh pihak-pihak yang berautoriti apatah lagi pembentukan model pendidikan yang dikhaskan untuk kanak-kanak pelarian di Malaysia khususnya Rohingya. Pihak UNHCR hanya menyediakan panduan umum melalui garis panduan untuk pusat pendidikan pelarian (*Guidelines for refugee learning centres*) dan ia tidak terperinci dan menyeluruh berkenaan pengurusan dan pengoperasian sesebuah pusat pendidikan pelarian. bagi membentuk model pendidikan pula, ia di luar kemampuan mereka berikutan kerana usaha ini memerlukan gerak

kerja yang banyak termasuk penglibatan pakar-pakar bidang bagi mendapatkan pendapat dan pandangan (Mohd Azmi, 19 Ogos 2022).

Hasil daripada temu bual mendapati bahawa pusat pendidikan alternatif diberi dua pilihan oleh KPM dalam menawarkan kurikulum yang sesuai dan terbaik untuk kanak-kanak Rohingya sama ada Kurikulum Kebangsaan mahupun *International General Certificate of Secondary Education* (IGCSE). Namun begitu, Kurikulum Kebangsaan menjadi pilihan majoriti pusat pendidikan berbanding IGCSE. Hal ini disebabkan IGCSE memerlukan perbelanjaan yang sangat besar terutamanya bagi menduduki peperiksaannya iaitu antara RM4,000 hingga RM6,000 bagi setiap seorang pelajar di samping menghadapi kekangan dalam memperolehi tenaga guru yang berkemahiran dengan bayaran gaji yang setimpal (Nur Azlina, 22 Jun 2022).

Selain mengurangkan kos perbelanjaan, pemilihan dan penggunaan Kurikulum Kebangsaan di pusat pendidikan alternatif disebabkan faktor asimilasi. Ia bertujuan menerapkan budaya dan bahasa negara tuan rumah kepada para pelajar di samping tidak mengenyepikan budaya dan bahasa negara asal mereka. Malah mengguna pakai Kurikulum Kebangsaan di pusat pendidikan dilihat sangat relevan dan sesuai dalam konteks pendidikan kanak-kanak pelarian di Malaysia bagi memberi pengetahuan dan pemahaman khususnya berkaitan peraturan dan undang-undang serta kepelbagaian budaya di Malaysia.

Walau bagaimanapun, wujud ketidakselarasan dalam aspek sukatan silibus di setiap pusat pendidikan pelarian di Malaysia sedangkan majoriti informan bersepakat menyatakan mereka mengguna pakai Kurikulum Kebangsaan di pusat pendidikan mereka. Melalui pemerhatian, pengajaran silibus berbeza-beza mengikut guru yang mengajar dan guru juga tidak tergesa-gesa untuk menghabiskan sukatan pelajaran bagi subjek yang diajarkan. Mereka hanya memberi perhatian kepada topik-topik tertentu sahaja yang dirasakan penting untuk kanak-kanak Rohingya belajar dan menguasainya. Dalam pada itu, bahan bantu mengajar yang digunakan di setiap pusat pendidikan juga berbeza-beza mengikut guru yang mengajar. Mereka mendapatkan sendiri bahan rujukan dan bahan bantu mengajar di kedai-kedai buku berikutan pusat pendidikan ini tidak menerima sebarang bentuk bahan mengajar daripada mana-mana pihak termasuk UNHCR (Chin Kin Ngen, 26 April 2022). Situasi ini memberi kesan langsung kepada kualiti pendidikan kanak-kanak pelarian Rohingya di Malaysia.

Kekurangan Dana Kewangan dan Yuran Persekolahan

Sumber dan kawalan dana dalam pengoperasian sesebuah pusat pendidikan alternatif di Malaysia merupakan cabaran paling besar yang perlu dihadapi dari segi penjanaan dana dan juga perbelanjaan keseluruhan yang perlu ditanggung. Anggaran perbelanjaan keseluruhan yang perlu ditanggung oleh pihak pengurusan pusat pendidikan alternatif adalah antara RM12,000 hingga ke RM17,500 malah hasil temu bual juga mendapati jumlah ini berbeza-beza berdasarkan kepada lokasi sekolah, kadar sewaan premis mengikut pasaran semasa dan keluasannya, kadar gaji dan bilangan guru, kadar sewaan kenderaan dan pemandu, kos penyelenggaraan dan pembaikan kenderaan dan infrastruktur, makan dan minum serta bil-bil utiliti yang lain. Majoriti informan yang ditemu bual dalam kalangan pihak pentadbir dan guru menyatakan bahawa mereka menghadapi cabaran kekurangan peruntukan dana yang berterusan bagi menampung perbelanjaan bulanan yang besar terutamanya bagi mereka yang mempunyai beberapa cawangan pusat pendidikan selain memerlukan sumber dana sampingan menampung perbelanjaan aktiviti kebersihan dan keceriaan pusat pendidikan dan bilik darjah di samping membaik pulih dan menyelenggara kerosakan infrastruktur asas.

Hasil temu bual mendapati penajaan dana di pusat pendidikan dijalankan dengan pelbagai cara. Antaranya pihak pengurusan dalam kalangan NGO mengguna pakai kaedah pengumpulan dana (*crowdfunding*) melalui sumbangan individu, korporat, NGO tempatan dan antarabangsa. *Crowdfunding* adalah proses pengumpulan dana dari orang ramai di atas talian. Terdapat juga pusat pendidikan yang menjana sumber kewangan melalui hasil jualan seperti jualan makanan dan edaran tabung dana yang bertujuan untuk menampung sebahagian pembiayaan penyelenggaraan dan pembaikan kecil pusat pendidikan. Namun begitu, terdapat informan kajian menyatakan bahawa usaha menjana dana ini berdepan kesukaran apabila ia berkait dengan isu pelarian Rohingya yang dianggap isu yang sangat sensitif dan rumit (Wan Nur Alia, 5 Julai 2022).

Sikap ibu bapa pelarian Rohingya yang kurang memberi komitmen sepenuhnya dalam urusan bayaran yuran bulanan persekolahan anak-anak mereka secara konsisten turut menjadi cabaran kepada majoriti pihak pengurusan pusat pendidikan. Kebanyakan Ibu bapa juga dilihat seolah-olah mengambil kesempatan untuk tidak membayar yuran anak-anak mereka terutamanya pada akhir tahun berikutan tiada tindakan yang dikenakan oleh pihak pengurusan disebabkan memikirkan kesusahan hidup mereka di Malaysia.

Kadar yuran ini berbeza mengikut ketetapan yang dibuat oleh pihak pengurusan pusat pendidikan iaitu antara RM30 hingga RM100 bagi setiap pelajar. Terdapat penambahan yuran sekiranya pelajar mengikuti kelas mengaji al-Quran dan menggunakan perkhidmatan pengangkutan. Namun kutipan yuran ini sebenarnya tidak mampu menampung keseluruhan perbelanjaan bulanan pusat pendidikan dan ia dilihat lebih kepada yuran komitmen pelajar yang hanya membiayai sebahagian kos penyediaan makan minum pelajar pada waktu rehat, pengangkutan dan keperluan asas yang lain.

Kesukaran Menguruskan Kanak-Kanak Rohingya yang Tamat Persekolahan

Turut menjadi kegusaran dalam kalangan pihak pengurusan dan tenaga pengajar apabila melihat situasi kanak-kanak Rohingya setelah menamatkan pendidikan khususnya di peringkat rendah. Ini kerana mereka tidak mempunyai pilihan laluan yang jelas dalam menentukan masa depan sama ada mereka berpeluang menyambung pembelajaran, bekerja dalam sektor tidak rasmi atau hanya mengikut kitaran yang sama seperti generasi mereka sebelum ini. Ketiadaan hala tuju selepas mendapatkan pendidikan rendah sememangnya menjadi dilema kepada para pelajar Rohingya ini. Malah situasi pendidikan kanak-kanak Rohingya di Malaysia seakan berada dalam keadaan tergantung disebabkan tiada jaminan pembelajaran berterusan. Mereka tidak mengetahui sama ada mereka masih mempunyai peluang pendidikan seterusnya atau tidak, kecuali bagi mereka yang datang daripada keluarga yang agak berkemampuan, mereka mempunyai peluang mendapat pendidikan menengah di sekolah swasta (Zaharatun Faizi, 5 Julai 2022).

Berikutan itu, hasil daripada temu bual mendapati, majoriti kanak-kanak Rohingya yang menamatkan pendidikan rendah di pusat pendidikan alternatif tidak mempunyai peluang pendidikan menengah. Oleh yang demikian, bagi kaum perempuan, mereka hanya duduk di rumah sahaja dan sebahagian mereka cenderung untuk berkahwin pada usia muda. Manakala bagi kaum lelaki, kebanyakan daripada mereka telahpun bekerja dalam kategori tidak mahir seperti bekerja di restoran, di kilang, di tapak binaan dan sebagainya bagi menyara diri dan keluarganya.

Dalam usaha memastikan setiap kanak-kanak pelarian Rohingya mendapat pendidikan berterusan supaya mereka tidak tercicir selepas tamat sekolah rendah, pihak NGO tempatan mengambil inisiatif menyediakan peluang pendidikan menengah kepada para pelajar lepasan pusat pendidikan mereka. Misalnya Persatuan Jaringan Islam Global Masa Depan (JREC) menubuhkan pusat pendidikan menengah manakala MRA pula menaja keseluruhan yuran pengajian para pelajar di sekolah swasta seperti *Ideas Academy* dan *Dignity for Children*. Walau bagaimanapun, wujud pelbagai cabaran dalam pelaksanaan pendidikan menengah terutamanya berkaitan masalah dalaman pelajar

Daripada data yang diperoleh, pengkaji mendapati bahawa peluang pendidikan menengah yang disediakan ini tidak dimanfaatkan sepenuhnya oleh pelajar disebabkan pelbagai alasan. Antara faktor kanak-kanak Rohingya tidak memilih untuk menyambung pendidikan menengah disebabkan mereka tidak nampak peluang menduduki peperiksaan, memiliki kelulusan akademik dan menyambung pengajian ke peringkat universiti. Maka mereka beranggapan sekalipun mereka memasuki pendidikan menengah, ia tidak akan menjamin destinasi dan hala tuju pendidikan selepas tamat persekolahan kelak (Nur Azlina, 22 Jun 2022). Oleh sebab itu, hanya segelintir kecil dalam kalangan pelajar Rohingya yang berminat akan mengambil peluang menyambung pendidikan menengah ini.

Terdapat juga segelintir kanak-kanak Rohingya yang dilihat mengabaikan peluang pendidikan menengah dan tajaan pengajian yang diberikan, walaupun pada asalnya mereka yang dipilih untuk menyambung pendidikan sekolah menengah swasta ini merupakan pelajar yang mempunyai prestasi yang baik. Hal ini disebabkan terdapat beberapa orang pelajar yang diberhentikan sekolah disebabkan tidak hadir ke sekolah berturut-turut selama tiga bulan tanpa sebab dan tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan sama ada oleh pihak MRA atau sekolah. Berdasarkan hasil temu bual, keadaan ini berpunca daripada keadaan sosioekonomi keluarga yang mendesak dan menyebabkan mereka tiada pilihan lain (Wan Nur Alia, 5 Julai 2022)..

Keterikatan Perundangan Malaysia

Meskipun Malaysia bukan pihak kepada Konvensyen Status Pelarian 1951 dan Protokol 1967, kerajaan dilihat tidak menghalang badan-badan NGO dan individu lain menjalankan pengoperasiaan pusat pendidikan alternatif. Namun dalam konteks kajian ini, majoriti informan dalam kalangan pihak pengurusan pusat pendidikan mengakui bahawa keterikatan perundangan Malaysia membataskan peluang dan pengiktirafan pendidikan untuk kanak-kanak Rohingya di Malaysia. Hal ini berikutan, bantuan pendidikan yang diberikan tidak menerima sebarang peruntukan yang menyokong usaha memperkasakan pendidikan pelarian Rohingya walaupun pada hakikatnya, Malaysia menyokong instrumen antarabangsa yang menyatakan pendidikan tanpa mengira status warganegara seperti CRC.

Dari segi pengiktirafan, kanak-kanak pelarian tidak mempunyai sijil kelayakan akademik berikutan daripada dasar kerajaan yang tidak membenarkan mereka menduduki peperiksaan awam seperti Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Hal ini menimbulkan cabaran besar kepada semua pusat pendidikan yang mahukan kanak-kanak pelarian Rohingya mendapat pembelajaran yang berterusan bagi mengurangkan tahap keciciran dalam kalangan mereka. Bagi JREC misalnya, mereka berdepan cabaran dalam menentukan sukatan pelajaran peringkat menengah yang bersesuaian bagi membolehkan para pelajar Rohingya menduduki peperiksaan. Sekiranya mereka memilih untuk menyediakan *International General Certificate of Secondary Education* (IGCSE) dan *General Educational Development Test* (GED), ia memerlukan perbelanjaan yang tinggi untuk menduduki peperiksaan tersebut. Tetapi jika

memilih Kurikulum Kebangsaan iaitu Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM), ia pula terikat dengan dasar kerajaan tidak membenarkan golongan pelarian menduduki peperiksaan awam (Nur Azlina, 22 Jun 2022).

Oleh yang demikian, pihak pengurusan sekolah-tahap tiada pilihan dalam membuat keputusan bagi menentukan hala tuju pendidikan kanak-kanak ini. Namun setiap pihak pengurusan sentiasa berusaha mencari peluang bagi membolehkan para pelajar Rohingya memiliki pengiktirafan dalam pendidikan alternatif yang diterima di Malaysia. Dengan adanya sijil akademik, ia akan mengesahkan mereka telah menerima pendidikan tertentu atau sudah melepasi dan lulus sesuatu ujian di samping membantu mereka supaya tidak perlu mengulangi proses pembelajaran dari awal apabila mereka ditempatkan semula ke negara ketiga kelak.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini telah mengenalpasti latar belakang pendidikan alternatif untuk kanak-kanak Rohingya di Malaysia iaitu berkaitan hak pendidikan, sistem pendidikan yang digunakan dan juga ciri-ciri pusat pendidikan. Kajian ini juga telah menjelaskan cabaran yang dihadapi oleh pusat pembelajaran alternatif dalam menguruskan pendidikan kanak-kanak Rohingya di Malaysia seperti kelemahan urus tadbir dan kawal selia, ketidakselarasan kurikulum yang diguna pakai, kekurangan dana kewangan dan yuran persekolahan, kesukaran menguruskan kanak-kanak Rohingya yang tamat persekolahan serta keterikatan perundangan Malaysia.

Kajian yang dijalankan ini boleh dijadikan salah satu sampel bagi meneruskan kajian terhadap pusat pendidikan alternatif yang dikhaskan untuk kanak-kanak Rohingya yang lain di seluruh Malaysia dalam mencari permasalahan dan solusi segera agar golongan ini berupaya memperolehi pendidikan yang berkualiti. Diharapkan kajian ini juga mampu memberi input dan sumbangan kepada pihak berkepentingan yang berperanan dalam memperkasakan dan meningkatkan kualiti pendidikan kanak-kanak Rohingya di Malaysia.

Penghargaan

Kajian ini ditaja oleh skim geran penyelidikan fundamental (FRGS) (FRGS/1/2021/SS0/UKM/03/1) Model Penyelidikan Kanak-Kanak dan Remaja golongan pelarian Rohingya di Malaysia.

Rujukan

- Aida Zahirah Samsudin & Napisah Karimah Ismail. (2021). Pendidikan kanak-kanak Muslim Rohingya: Kajian kes di Rohingya Intellectual Skills and Excellence (RISE), Kajang, Selangor. *Jurnal Sains Insani*, 6(3), 67–76.
- Aizat Khairi. (2016). The Dilemma of Rohingya Refugees “Boat People”: The role of Malaysia, its neighbors and ASEAN. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 6(12), 481–489.
- Aizat Khairi. (2021). *Keselamatan Insan Terjamin? Pelarian Moro dan Rohingya di Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Amnesty International. (2010). *Diseksa dan ditinggalkan: Pelarian dinafikan hak di Malaysia*. Retrieved from <https://www.amnesty.org/en/documents/asa28/010/2010/ms/>
- Andika Ab. Wahab & Aizat Khairi. (2020). Smuggling of Rohingyas from Myanmar to Malaysia: A threat to human security. *Akademika*, 90(3), 27-37.

- Andika Ab. Wahab. (2017). *Penyeludupan migran dan keselamatan insan: Kajian kes orang pelarian Rohingya di Lembah Klang, Malaysia* (Tesis Dr. Fal). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia.
- Atika Shafinaz Nazri & Nidzam Sulaiman. (2020). Partisipasi NGO dalam bantuan kemanusiaan terhadap pelarian di Malaysia dan sumbangannya ke arah penyatupaduan masyarakat. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 47(3), 214-245.
- Azizah Kassim. (18 Disember 2012). Peluang pendidikan bagi kanak-kanak orang pelarian rohingya di Semenanjung [Slaid]. Retrieved from <https://apps.mu.ukm.my/erep/cari>
- Azizah Kassim. (2015). Transnational marriages among Muslim refugees and their implications on their status and identity: The case of the Rohingyas in Malaysia. Dlm. Ikuya Tokoro & Hisao Tomizawa (Pnyt.), *Islam and Cultural Diversity in Southeast Asia* (hlm. 175-201). Tokyo: Research Institute for Languages and Cultures of Asia and Africa (ILCAA), Tokyo University of Foreign Studies.
- Badariah Saibeh. (2018). Pendidikan alternatif sebagai wadah keterangkuman sosial dalam kalangan penduduk yang tiada kewarganegaraan di Pulau Mabul, Sabah. *Jurnal Kinabalu*, Disember, 177-206.
- Child Right Coalition Malaysia. (2012). *Status Report on Children's Rights in Malaysia*. Retrieved from https://archive.crin.org/en/docs/Report_On_Children_Rights_.pdf
- Divaghar Voothayakumar & Khadijah Alavi. (2019). Meneroka kesejahteraan sosial Karen dan Rohingya di sekolah pelarian Myanmar di Chow Kit. *Asian People Journal*, 2(1), 1-11.
- Equal Rights Trust. (2014). *Equal only in name: The human rights of stateless Rohingya in Malaysia*. <https://www.refworld.org/docid/5444d3024.html> [9 January 2022].
- Intan Suria Hamzah. (2018). *Migrasi pendatang asing Myanmar dan keselamatan insan di Malaysia* (Tesis Dr. Fal). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia.
- Intan Suria Hamzah, Sity Daud & Nor Azizan Idris. (2020). *Pendatang Asing Myanmar dan Keselamatan Insan di Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Julia Palik. (2020). Education for Rohingya refugee children in Malaysia. *PRIO Policy Brief* 2. Oslo: PRIO.
- Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka. (2010). <https://prpm.dbp.gov.my>
- Kazi Fahmida Farzana, Siti Darwinda Mohamed Pero & Muhammad Fuad Othman. (2020). The dream's door: Educational marginalization of Rohingya Children in Malaysia. *South Asian Journal of Business and Management Cases*, 9(2), 237-246.
- Kipgen, N. (2014). Addressing the Rohingya Problem. *Journal of Asian and African Studies* 49(2), 234-247.
- Letchamanan, H. (2013). Myanmar's Rohingya refugees in Malaysia: Education and the way forward. *Journal of International and Comparative Educational*, 2(2), 86-97.
- Mazura Md Saman & Nor Hafizah Mohd Badrol Affandi. (2018). Honoring primary education for stateless children: Analysis of Malaysian legal perspective and current practice. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled People (IJCWED)*, 3(January), 33-38.
- Mixed Migration Centre. (2021). *Profiles and drivers of Rohingya moving to Malaysia*. Retrieved from https://mixedmigration.org/wp-content/uploads/2021/11/200_4Mi_Snapshot_Profiles_and_Drivers_of_Rohingya_moving_to_Malaysia.pdf
- Mohd Nor Hidayat Hasbollah Hajimin & Iknor Azli Ibrahim. (2017). Hak dan perlindungan pelarian Muslim Filipina menurut Syariah undang-undang Malaysia: Kajian di Negeri Sabah. *Jurnal Hadhari*, 9(2), 193-206.

- Nadzira Miskiman & Khalim Zainal. (2019). Cabaran dan limitasi pendidikan untuk kanak-kanak tanpa warganegara di Pulau Mabul, Semporna, Sabah. Prosiding International Conference on Business, Education, Innovation & Social Science (hlm. 382-290). Kuala Lumpur, Malaysia.
- Norazira Ali. (2014). Cabaran-cabaran pelarian Rohingya Muslim: Kajian kes di Pulau Pinang. Prosiding Persidangan Social Sciences Postgraduate International Seminar (SSPIS) (hlm. 265-274). Penang, Malaysia.
- Pathmanathan R. Nalasamy, Siti Hajar Abu Bakar Ah & Abd. Hadi Zakaria. (2011). Pandangan klien perkhidmatan mengenai implementasi hak kanak-kanak di dalam institusi pemeliharaan dan perlindungan awam. *Sarjana*, 26(2), 51-71.
- Ruhanas Harun. (2019). The Rohingya Refugees in Malaysia: Issues, approaches, national security implications and challenges. *Journal of Public Security and Safety*, 9(1), 47-63.
- The Arakan Project. (2016). *Key issues concerning the situation of stateless Rohingya women and girls in Rakhine State, Myanmar*. Retrieved from https://tbinternet.ohchr.org/Treaties/CEDAW/Shared%20Documents/MMR/INT_CEDAW_NGO_MMR_24280_E.pdf
- UNHCR Malaysia. (2023). *Figures at a glance in Malaysia*. Retrieved from <https://www.unhcr.org/en-my/figures-at-a-glance-in-malaysia.html>
- United Nations Children's Fund (UNICEF). (2009). *The State of the World's Children: Special Edition Celebrating 20 Years of the Convention on the Rights of the Child*. New York: United Nations Children's Fund. Retrieved from <https://www.unicef.org/reports/state-worlds-children-2010>.
- United Nations Children's Fund (UNICEF). (2015). *Mapping alternative learning approaches, programmes and stakeholders in Malaysia*. Retrieved from https://www.unicef.org/malaysia/Mapping_Alternative_Learning_Report.Pdf